

# MINGGUAN KKKG

E-BULETIN KOLEJ KOMUNITI KUCHING



AKAN DATANG

## Mesyuarat JKPAK Bil 2/2023

### Majlis Perhimpunan Bulanan Bil 1/2023 Kolej Komuniti Kuching

27 MAC - Warga KKKG menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan Bil 1/2023 anjuran Unit Sijil Teknologi Senibina (STS) yang bertempat di Bilik Mesyuarat.

"Graduan kualiti amanah kami, pensyarah kompeten izzah kami, POLYCC wadah kami, memacu destinasi Malaysia Madani," dilafazkan sebagai pencetus semangat bekerja ke arah kecemerlangan warga KKKG.

Terdahulu Ketua Unit Pengetahuan Am, Bahagian Akademik KKKG Shafrine Mohamad Morshidi hadir mempengerusikan Majlis mewakili Pengarah KKKG.

### Majlis Berbuka Puasa Erat Silaturrahim Warga KKKG

27 MAC - Warga kerja KKKG telah mengadakan Majlis berbuka puasa di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK).

Majlis yang disambut dengan suasana yang sederhana turut dihadiri oleh ahli keluarga warga Kolej Komuniti Kuching bertujuan untuk merapatkan silaturrahim.



## Sambutan Meriah Kursus Pendek Anjuran PSH

1 April - Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), Kolej Komuniti Kuching telah berjaya menganjurkan kursus pendek selama dua hari bertempat di Dewan Serbaguna, Ruang Kuliah STS dan SFP KKKG.

Penawaran pelbagai kursus pendek telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan oleh komuniti masyarakat setempat.

Di akhir kursus, para peserta menerima sijil masing-masing bagi program yang disertai.



Gracienthy Goen mengajar cara mengukur badan dalam kelas kursus jahitan blaus (asas)



Mohd Shahir Naim Abdul Latif (berdiri 4 kanan) merakamkan gambar kenangan bersama para peserta kursus kemahiran aplikasi AUTOCAD Siri 1 (asas)



Mohd Zulkarnain Salehudin semasa sesi membimbing para peserta kursus pendek kemahiran aplikasi sketchup siri 1 (asas)



Faridah Merjoh (tengah) merakam gambar kenangan bersama dua orang peserta daripada kursus jahitan seluar melayu lelaki.



Wan Khazlina Wan Mohamed (dua kanan) merakam gambar kenangan bersama para peserta kursus kemahiran penyediaan surat rasmi dan memo (asas)



Jefferyson Adam Henry (lima kanan) merakam gambar kenangan bersama para peserta kursus pendek kek lapis pua kumbu.



@kolejkkuching



kolejkomunitikuching



@kkkuching



kolej komuniti kuching



@kolejkomunitikuching